

# Sekolah Menengah St. Anthony Berjaya Meningkatkan Keputusan SPM 2017



15 Mac 2018, Keputusan SPM tahun 2017 telah diumumkan oleh Tuan Raisin Bin Saidin, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan W.P.Labuan bertempat di Pusat Kokurikulum Kampung Ganggarak W.P.Labuan. Dalam pengumuman kali ini SM. St. Anthony telah berjaya meningkatkan keputusan kepada 92.41% berbanding 82.14% pada tahun 2016, iaitu peningkatan sebanyak 10.27% . Gred purata sekolah juga telah meningkat dari 5.70 kepada 5.49.

Pengetua sekolah Pn Dona Undoh menyatakan kejayaan ini adalah hasil usaha, komitmen dan sikap dedikasi para guru dalam mendidik dan membimbing para pelajar di sekolah ini, serta sokongan dan keprihatinan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka. Di samping perancangan yang rapi serta program peningkatan akademik yang dilaksanakan di peringkat panitia dan sekolah. Beliau mengucapkan

setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan padu pihak Jabatan Pendidikan W.P.Labuan yang diterajui oleh Tuan Raisin Bin Saidin dalam memberikan khidmat bantu kepada pihak sekolah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru ( PIBG ) di bawah pimpinan Encik Chia Sia Theng selaku Yang Dipertua, sangat komited dalam menyokong semua program kecemerlangan akademik sekolah termasuklah menyumbangkan RM10,000 bagi melengkapkan keperluan makmal sains sekolah. Begitu juga pihak Lembaga Pengurusan Sekolah yang sangat prihatin dengan pembangunan fizikal sekolah dan juga menyokong program akademik dengan menyumbangkan RM5000 bagi keperluan makmal sains dan membayar sebahagian sewa mesin fotosat bagi keperluan percetakan. Pengetua sekolah juga turut berterima kasih atas sokongan Bapa Angkat Korporat Datuk Harris Bin Hj. Annuar Tan, CEO ASB, pihak NGO dan bekas pelajar SAS ( ALUMNI ) yang sentiasa prihatin dengan keperluan sekolah. Semoga permuafakatan strategik yang baik ini akan berteruskan.



Pelajar Cemerlang SPM SM St. Anthony : Dari kiri : Dy Nurvivisharipah , Gilbert, Chia Sia Theng ( YDP PIBG ), Doan ( Pengetua ), Amanda, Khor Hui Ying dan Colin Seet Ling Fung

Tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar yang telah lulus dengan cemerlang iaitu Gilbert Sipaun JR ( 1A+, 2A, 3A-, 1D ), Amanda Ker ( 2A+, 4A, 2B+ dan 1C ), Colin Seet Ling Fung ( 2A, 3A-, 1B+, 1C dan 2D ), Dy Nurvivisharipah Binti Awang Jufari ( 1A, 4A- dan 3B+ ) , Khor Hui Ying ( 2A, 3A-, 1B+, 1B, 1C dan 1D ) dan Nor Atiqah Binti Mohd Yasid ( 5A-, 2B+ dan 1C+ ). Tahniah kepada semua ibu bapa yang meraih kejayaan anak-anak mereka di SAS pada hari ini. Sesungguhnya murid-murid ini telah mencapai kemenjadian diri secara holistik iaitu cemerlang akademik, mempunyai sahsiah diri yang terpuji, berbakat dalam aktiviti kokurikulum dan mempunyai potensi diri dari segi kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi.

Sekolah ini telah berjaya meningkatkan keputusan dalam 7 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu 97.47% , Pendidikan Islam 100%, Pendidikan Moral 80%, Sejarah 93.67%, Mathematics 91.14%, Science 95.45%, Ekonomi Asas 76% dan Kesusteraan Melayu 50%. Terdapat 4 mata pelajaran yang berjaya mengekalkan keputusan 100% lulus dan meningkatkan kualiti GPMP iaitu Geografi, Pendidikan Seni Visual, Physics dan Biology. Kejayaan ini telah meletakkan semula SM St. Anthony standing dengan sekolah-sekolah lain di W.P.Labuan yang juga mencapai peratus lulus 90% ke atas seperti SMK Labuan, SMK Pantai IBWS dan SMK Taman Perumahan Bedaun. Semoga SM St. Anthony akan terus menjadi salah sebuah sekolah pilihan ibu bapa di Wilayah Persekutuan Labuan.



Motivasi dari Tuan Raisin Bin Saidin , Pengarah Pendidikan W.P.Labuan sebelum SPM telah berjaya mencatat keputusan 100% lulus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Akhir sekali Pengetua sekolah memuji kepimpinan pengurusan tertinggi sekolah iaitu Puan Leberie @ Liberie H Dalus selaku Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum, Encik Yee Choon Hian selaku Penolong Kanan HEM, Encik Kuanfuh @ Jackson Bin Tondoliu selaku Penolong Kanan Kokurikulum serta kepimpinan pertengahan ( Middle Leadership ) iaitu Puan Siti Rahimah Binti Suhaimi ( GKMP Votek ), Cik Nor Rizan Ab Rajab ( GKMP Kemanusiaan ), Encik Jayastine A. John ( GKMP Bahasa ) dan Puan Kastini Kassim ( GKMP Sains dan Matematik ) , semua ketua panitia , guru-guru dan staf sokongan sekolah yang sentiasa konsisten dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam semua aspek kemenjadian murid. Semoga SM St. Anthony akan terus melangkah ke hadapan dengan yakin dan cemerlang. SAS MOVING FORWARD WITH CONFIDENCE AND EXCELLENCE

**Berita Oleh : DK Suhana PG Tassip**